

Banyak campur tangan politik parti pembangkang - Noh Omar

Utusan Online

02 Julai, 2012

Oleh HELMI MOHD FOAD

SHAH ALAM 1 Julai - Universiti Selangor (Unisel) yang pada asalnya dibangunkan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) mungkin akan menjadi projek gajah putih ekoran terlalu banyak campur tangan politik setelah Kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor mengambil alih pusat pengajian tinggi milik kerajaan negeri itu.

Timbalan Pengerusi BN negeri, Datuk Seri Noh Omar berkata, tindakan pentadbiran Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim melantik individu dalam kalangan ahli politik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Unisel banyak mempengaruhi tindakan dan keputusan universiti berkenaan.

"Hasrat melahirkan modal insan berkualiti dicemari apabila Kerajaan PKR Selangor mengambil alih pentadbiran selepas pilihan raya umum lalu lantas mempolitikkan banyak isu.

"Ini adalah dosa paling besar kerajaan negeri di bawah pentadbiran Abdul Khalid yang rakus kuasa mempolitikkan perjalanan Unisel hingga membuatnya bakal menjadi gajah putih," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Noh yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, penguasaan orang politik cukup jelas dalam pentadbiran Unisel apabila tiga orang daripada ahli lembaga pengarahnya membabitkan pemimpin politik PKR dan Pas.

Katanya, mereka ialah Setiausaha Politik Menteri Besar, Faekah Husin yang kini dilanda kontroversi berhubung dakwaan isu salah guna kepala surat Pejabat Menteri Besar; Ahli Parlimen Merbok dari PKR, Datuk Rashid Din dan Ahli Parlimen Hulu Langat dari Pas, Che Rosli Che Mat.

"Salah seorang Timbalan Naib Canselor Unisel juga adalah aktivis politik Pas yang aktif dan pernah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan Pas negeri.

"Keadaan ini sama sekali tidak berlaku pada zaman pemerintahan BN yang tidak pernah melantik ahli lembaga pengarah kecuali Exco kerajaan negeri memegang portfolio pendidikan.

"Ini kerana BN lebih mengutamakan kualiti pendidikan dan modal insan sehingga berjaya meletakkan Unisel setaraf dengan universiti awam dan swasta yang lain," katanya.

Noh berkata, tekanan politik yang begitu meresahkan kakitangan Unisel turut membuatkan bekas Naib Canselor Unisel, Datuk Dr. Rosti Saruwono meletakkan jawatan pada 2 Ogos tahun lalu ekoran keengganannya mengambil tindakan ke atas dua pegawai kanan universiti itu.

"Dr. Rosti tidak tahan dengan tekanan politik dan fitnah yang dilemparkan terhadap beliau. Beliau yang menggantikan Prof. Datuk Dr. Razali Agus pernah berazam ketika mula-mula memegang jawatan itu untuk tidak tunduk kepada tekanan politik tetapi akhirnya terpaksa mengalah.

"Dua pegawai kanan iaitu bekas Dekan Fakulti Perniagaan, Prof. Dr. Khalilah Othman dan bekas Pengarah Pemasaran dan Komunikasi Korporat, Halid Hasbullah meletakkan jawatan kerana ketidakadilan yang dilakukan ke atas mereka," katanya.

Terbaru jelasnya, dua lagi ahli lembaga pengarah Unisel meletakkan jawatan awal bulan ini iaitu Datuk Adnan Alias yang merupakan bekas pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Datuk Dr. Mohammed Ariffin Aton, bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM Bhd.

Dalam pada itu, Noh turut mempertikaikan tindakan pentadbiran Abdul Khalid mengekalkan salah seorang timbalan naib canselor Unisel yang terbabit dengan dakwaan kes rogol seorang pelajar ketika memegang jawatan dekan di salah sebuah universiti awam.

"Kes tersebut sudah ada laporan polis dan mangsanya juga bersedia untuk tampil tetapi Abdul Khalid yang mengetahui kes itu hanya memekakkan telinga dan ini membuatkan ibu bapa berasa bimbang untuk menghantar anak-anak mereka belajar di Unisel," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0702&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm